

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

PDP 480 Kaedah Mengajar Perdagangan dan Perakaunan

Masa : [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan semuanya. Pilih SATU soalan dari setiap Bahagian. Setiap soalan mempunyai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. [a] Sebutkan nilai-nilai murni yang perlu diterapkan dalam pengajaran Kemahiran Hidup (Pilih Perdagangan dan Keusahawanan) Tingkatan 1.
[b] Sediakan satu rancangan pengajaran untuk satu tajuk pilihan anda dalam Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup (Pilihan Perdagangan dan Keusahawanan) Tingkatan 1 dengan mengambil kira penerapan nilai-nilai murni yang sesuai.

[25 markah]

ATAU

2. Apakah konstrain-konstrain/sekatan-sekatan yang telah mengakibatkan pelaksanaan kurikulum Perdagangan dan Keusahawanan tidaklah begitu berkesan? Pada fikiran anda bagaimanakah konstrain itu dapat diatasi?

[25 markah]

BAHAGIAN B

3. Bagaimanakah membina item ujian Perdagangan supaya ujian itu mengandungi ciri kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi?

[25 markah]

ATAU

...2/-

4. Dengan berlatarbelakangkan keadaan sekolah di Malaysia, terangkan bagaimana alat-alat bantu mengajar: [a] papan gulung, [b] papan buletin, dan [c] kapur berwarna dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran Prinsip Akaun.

[25 markah]

BAHAGIAN C

5. Apakah peranan Ketua Panitia Perdagangan dan Perakaunan dalam pelaksanaan dan pengembangan kurikulum sekolah?

[25 markah]

ATAU

6. [a] Terangkan konsep "penilaian kurikulum".

[b] Apakah kriteria yang digunakan untuk menilai objektif pengajaran, isi kandungan, organisasi isi kandungan dan kaedah mengajar Perdagangan atau Perakaunan di sekolah-sekolah Malaysia?

[25 markah]

BAHAGIAN D

7. Tuliskan nota ringkas tentang mana-mana TIGA perkara daripada yang berikut :

[a] Fand Suwa

[b] CAI

[c] Ujian Rujukan Kriteria

[d] Pendekatan Lejar

[e] Prinsip-prinsip Rochdale

[f] Kaedah Projek

[g] Penilaian Sumatif

[h] Kaedah Sokratik

[25 markah]

ATAU

8. Huraikan peranan guru Perdagangan dan Perakaunan dalam pengurusan [a] akaun-akaun sekolah, [b] bilik sumber Perdagangan dan Perakaunan, dan [c] koperasi sekolah.

[25 markah]

-- oooo000oooo --